


BAHAGIAN A
[40 MARKAH]
*Jawab **semua** soalan.*

1. Rajah berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Pembesar Empat Lipatan

Sumber: Kesultanan Melayu Melaka, Edisi Kedua: Dewan Bahasa dan Pustaka

- (a) Nyatakan jawatan pembesar berikut:

X:.....

Y:.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan Pembesar Empat Lipatan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Kepimpinan yang baik melahirkan pemerintahan yang stabil dan dihormati oleh rakyat. Beri penjelasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Gambar berikut merupakan anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955.



Sumber : [www. Utusan.com.my](http://www.Utusan.com.my), Mei 2018

- (a) Namakan **dua** pemimpin tempatan yang menganggotai kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

- (b) Senaraikan **dua** jawatan yang terdapat dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

- (c) Nyatakan **dua** peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(d) Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu menjadi simbol penyatuan kaum.

Buktikan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Antara cabaran yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia termasuklah pemisahan Singapura daripada Malaysia dan peristiwa 13 Mei yang dikenang sebagai sebuah tragedi nasional

sumber : [http // : www.jpnn.gov.my](http://www.jpnn.gov.my)

- (a) Mengapakah pemisahan Singapura tidak dapat dielakkan?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Jelaskan faktor berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Teliti poster berikut

PELIHARA KEHARMONIAN KAUM DEMI KESEJAHTERAAN NEGARA



sumber : <http://jabatanpenerangan.Malaysia.gov>.

Berikan cadangan anda dalam usaha untuk memupuk semangat perpaduan kaum dalam negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah memberikan peluang kepada rakyat berbilang bangsa untuk menikmati kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama.

Matlamat DEB	Mencapai perpaduan dan kesejahteraan Menggunakan strategi serampang dua mata
-------------------------	---

- (a) Terangkan latar belakang Dasar Ekonomi Baru.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan langkah diambil kerajaan untuk mencapai matlamat DEB.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan kejayaan Industri Kecil Sederhana (IKS) dalam usaha membasmi kemiskinan.

IKS bukan sahaja menjana ekonomi negara, bahkan membuka peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat Malaysia.

Sumber: Utusan Malaysia, 17 Februari 2010

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

BAHAGIAN B

[60 MARKAH]

Jawab tiga soalan sahaja.

5. Persekutuan Tanah Melayu (PTM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 selepas mendapat perkenan Raja-raja Melayu

(a) Terangkan faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang berikut :

(i) Pentadbiran [3 markah]

(ii) Kewarganegaraan [3 markah]

(c) Teliti lirik lagu tersebut.

Permainya bumi malaysia
Sungguh permai bumi bertuah
Tanah tempat ku dilahirkan
Pemandangannya indah
Tetap tak menjemukan

Dinaungi payung mahkota
Rakyat bahagia berbilang bangsa
Negara makmur sejahtera
Kaya hasil buminya

Pembangunan desa dan kota
Kebanggaan rakyat jelata
Negeraku malaysia

Pencipta : Mohammad Rauzan Alwi

Jelaskan mesej yang terkandung dalam lagu tersebut dan kepentingan mengekalkan keamanan untuk negara. [6 markah]

6. Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu ke London disertai wakil Raja-Raja Melayu dan wakil Perikatan dalam usaha berunding dengan kerajaan British bagi mendapatkan taraf berkerajaan sendiri.

(a) Jelaskan kronologi perjalanan rombongan kemerdekaan tersebut.

[6 markah]

(b) Terangkan perkara yang dirundingkan dan disepakati antara kerajaan British dengan perwakilan Tanah Melayu di London.

[6 markah]

(c) Teliti gambar setem berikut.



Sumber : www.jabatanperpaduannegara.gov.my

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam gambar tersebut dan berikan pendapat anda.

[8 markah]

7. Malaysia kini sebuah negara berdaulat yang berupaya menentukan hala tuju negara baik dari segi aspek politik, ekonomi mahupun sosial.

Sumber : Online.anyflip.com

- (a) Jelaskan maksud kedaulatan. [4 markah]
- (b) Terangkan kepentingan kedaulatan kepada negara Malaysia. [8 markah]
- (c) Teliti petikan berikut.

Sesungguhnya, memelihara kemakmuran negara merupakan tanggungjawab bersama demi memastikan kedaulatan tanah air sentiasa terpelihara. Justeru, perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat amatlah penting dan tidak boleh dikompromi. Seperti yang diungkapkan dalam pepatah Melayu “serumpun bak serai, sesusun bak sirih.”

Sumber : sinarharian.com.my, 15 Januari 2019

- Beri ulasan anda. [8 markah]

8. Kewujudan institusi Raja-Raja Melayu dan Majlis Raja-Raja menjadi dasar kepada identiti tanah air kita dan perkara ini telah diambil perhatian dalam proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan.

Sumber: A. Aziz, Shamrahayu (2012) Kuasa dan peranan Raja-Raja Melayu dalam perlembagaan : Sejarah dan masa depan

- (a) Jelaskan peranan Majlis Raja-Raja di negara kita. [4 markah]
- (b) Terangkan bidang kuasa Yang Di-pertuan Agong berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. [8 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan satu peristiwa bersejarah Sultan Ibrahim melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17.

"Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia bukan sahaja lambang perpaduan rakyat berbilang kaum, tetapi juga memainkan peranan penting sebagai tonggak kestabilan politik dan penjaga Perlembagaan. Institusi ini menjadi pelindung hak rakyat tanpa mengira bangsa dan agama, serta simbol kedaulatan negara yang menjamin keamanan, keharmonian, dan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia sepanjang zaman."



Istiadat Melafaz dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berlangsung dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-264 (Khas)
31 Januari 2024, Balairung Seri Istana Negara

Sumber: Portal Rasmi Majlis Raja-Raja, majlisraja-raja.gov.my

Pada pendapat anda, mengapakah hubungan institusi beraja dan rakyat perlu dipertahankan?

Bagaimanakah untuk mengekalkan hubungan ini?

[8 markah]

9. Setelah mencapai kemerdekaan, dasar luar Malaysia mengalami cabaran dan perubahan signifikan apabila negara mula menunjukkan komitmen terhadap pertubuhan serantau dan antarabangsa yang dianggotainya.

(a) Jelaskan cabaran dalam mengukuhkan dasar luar Malaysia. [4 markah]

(b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan berikut :

(i) Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) [4 markah]

(ii) Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) [4 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Malaysia dan China mempunyai hubungan erat sejak 1974, terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan. Hubungan ini dijangka terus berkembang pada masa hadapan. Namun, isu Laut China Selatan khususnya Kepulauan Sparty menjadi cabaran utama kerana Malaysia dan China mempunyai tuntutan bertindih di kawasan tersebut. Tuntutan China membina struktur ketenteraan menimbulkan kebimbangan.

Malaysia perlu kekal tegas mempertahankan sempadan negara dan hak maritim. Pada masa yang sama, hubungan baik dengan China perlu dikekalkan secara diplomatik dan bukan menggunakan peperangan. Kerjasama ASEAN dan undang - undang antarabangsa perlu diutamakan untuk mengelakkan tercetusnya konflik terbuka.

Justeru, dasar luar Malaysia yang dinamik telah dilaksanakan untuk memelihara kedaulatan dan keselamatan negara serta bebas daripada campur tangan kuasa asing. Dasar luar Malaysia yang terbaik-baik dengan semua negara membolehkan Malaysia dihormati dan kenali oleh negara lain.

sumber diubah suai : <https://www.pmo.gov.my>

sumber diubah suai : <https://www.pmo.gov.my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT